



قجابت ستياوسها كراجاءن قهغ

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG

WISMA SRI PAHANG

25503 KUANTAN

PAHANG DARUL MAKMUR

Tel : 09-5126600

Faks : 09-5726174

Laman Web : www.pahang.gov.my

E-mel : sukkorporat@pahang.gov.my

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami : SUKPHG-2-700-18/1/2 Jld.5 (22)

Tarikh : 27 Zulkaedah 1447H

15 Mei 2026

SEPERTI SENARAI EDARAN

YB Dato'/ YH Dato'/ Tuan/ Puan,

HEBAHAN PENYERTAAN USAHAWAN NEGERI PAHANG KE PAMERAN SATU DAERAH SATU INDUSTRI (SDSI) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) akan menganjurkan Pameran Satu Daerah Satu Industri (SDSI) Peringkat Kebangsaan Tahun 2026 pada 19 hingga 21 Jun 2026 bertempat di Morten Walk, Melaka. Kerajaan Negeri Pahang telah diminta untuk menghantar penyertaan dari kalangan usahawan ke program tersebut.

3. Sehubungan itu, pentadbiran ini memohon jasa baik pihak YB Dato'/ YH Dato'/ tuan/ puan untuk membantu dalam membuat hebahan bagi usahawan yang berpotensi dan berdaya saing di bawah pemantauan dan seliaan masing – masing bagi memastikan kepelbagaian produk Negeri Pahang dapat ditawarkan kepada pengunjung kelak.

4. Bersama-sama ini juga disertakan poster hebahan sepertimana di **Lampiran A** untuk rujukan, perhatian dan hebahan kepada semua orang awam melalui medium yang bersesuaian seperti:

- Paparan di papan kenyataan pejabat dan premis awam;
- Hebahan melalui media sosial rasmi rasmi jabatan dan agensi;



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 01841



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022
CERT. NO. : ISMS 00172

Ruj. Kami: SUKPHG-2-700-18/1/2 Jld.5 (22), bertarikh: 27 Zulkaedah 1447H/ | 5 Mei 2026

- c) Perkongsian dalam kumpulan komuniti setempat; dan
- d) Hebahan kepada usahawan serta orang awam yang berurusan di pejabat daerah dan agensi berkaitan.

5. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, pihak YB Dato'/ YH Dato'/ tuan/ puan boleh menghubungi **Encik Amir Syafiq Bin Abd Hamid** di talian **09-5126707**.

6. Segala kerjasama dan perhatian pihak YB Dato'/ YH Dato'/ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"Mudah, Cepat, Telus"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NORLIZA BINTI MOHAMED ALI)

Setiausaha Bahagian

Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	
PEJABAT SUK PAHANG	
18 MAY 2026	
KPS (P)	<input checked="" type="checkbox"/>
PSUK (P)	<input type="checkbox"/>
PSUK (A1)	<input type="checkbox"/>
PSUK (A2)	<input type="checkbox"/>
PSUK (P/L)	<input checked="" type="checkbox"/>
PTM (D)	<input type="checkbox"/>
KPS (U)	<input type="checkbox"/>
PSUK (O)	<input type="checkbox"/>
PSUK (TK)	<input type="checkbox"/>
PSUK (PD)	<input type="checkbox"/>
KPT	<input type="checkbox"/>

Untuk makluman & tindakan.

[Signature]
18/5/26



HEBAHAN PENYERTAAN USAHAWAN PAHANG

PROGRAM SATU DAERAH SATU INDUSTRI (SDSI) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2026

*Kerajaan Negeri Pahang membuka peluang kepada
usahawan Pahang yang layak untuk menyertai
Program SDSI Tahun 2026*



19 - 21 JUN 2026



MORTEN WALK, MELAKA

SYARAT- SYARAT PERMOHONAN

- ▶ Berdaftar dengan Sistem Maklumat Usahawan (SMU) Pahang;
- ▶ Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan pendaftaran masih sah;
- ▶ Usahawan merupakan anak Negeri Pahang atau menjalankan perniagaan di Negeri Pahang;
- ▶ Produk atau perkhidmatan yang ditawarkan hendaklah dihasilkan sendiri oleh usahawan/syarikat;
- ▶ Produk mempunyai pembungkusan, pelabelan dan penjenamaan yang kemas serta bersesuaian untuk promosi dan pemasaran; dan/ atau
- ▶ Bersedia menyertai program promosi, pameran dan aktiviti SDSI sepanjang tempoh program berlangsung

IMBAS KOD QR UNTUK PERMOHONAN



**TARIKH TUTUP PENYERTAAN
4 JUN 2026 (KHAMIS)**

SEBARANG PERTANYAAN, SILA HUBUNGI:



09 - 512 6707



upu.bpen@pahang.gov.my



UNIT PEMBANGUNAN USAHAWAN
TINGKAT 4, BLOK B, BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG



www.pahang.gov.my



Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang

#MajuTerusPahang

#Pahang1st